

Headline  
Date  
MediaTitle  
Section  
Journalist  
Frequency  
Circ / Read

**FRIM sasar 2011 tahun sifar sampah**  
**04 Jun 2010**  
**Harian Metro**  
**Setempat**  
**N/A**  
**Daily**  
**324,097 / 1,981,000**

Language  
Page No  
Article Size  
Color  
ADValue  
PRValue

**Malay**  
**32**  
**227 cm<sup>2</sup>**  
**Full Color**  
**4,881**  
**14,642**



**RASMI**  
**...Abd**  
**Latif (kiri)**  
**bersama**  
**Terrynz**  
**merasmikan**  
**Pusat**  
**Pendidikan**  
**Alam**  
**Sekitar**  
**di FRIM,**  
**semalam.**

## FRIM sasar 2011 tahun sifar sampah

**K**UALA LUMPUR: Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) mensasarkan 2011 sebagai tahun sifar sampah dengan mewajibkan semua pengunjung ke kawasan itu membawa plastik dan membuangnya sendiri ke tempat pembuangan sampah.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata, langkah itu bagi memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan menjaga alam sekitar dalam memastikan kualiti kebersihan negara.

Katanya, beliau sudah memulakan usaha itu tahun lalu dengan mewajibkan kakitangan FRIM membawa balik sampah ke rumah bukannya membuang sampah di kawasan FRIM.

"Cara ini bagi mendidik

masyarakat supaya menghargai alam sekitar supaya kekal bersih kerana ia akan memberi kepuasan kepada diri dalam mengekalkan kesihatan tubuh badan.

"Kita juga dapat mengurangkan kos selenggara bahan buangan kerana kos untuk memungut sampah amat tinggi dan merugikan," katanya ketika ditemui pada Majlis Perasmian Pusat Pendidikan Alam Sekitar (EEC) sempena ulang tahun ke-25 FRIM dan Hari Alam Sekitar Dunia di Pusat Perkelahan Tetra Pak, Kepong, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Program Ekopelancongan dan Hutan Bandar FRIM, Dr Noor Azlin Yahya dan Pengerah Komunikasi dan Alam Sekitar, Tetra Pak (Malaysia) Sdn Bhd,

Terrynz Tan.

Abd Latif berkata, penubuhan EEC itu disokong oleh Tetra Pak yang memberi sumbangan sebanyak RM10,000 dan barangan lain untuk melaksanakan pengisian fasa pertama EE awal tahun ini.

"Dengan adanya sokongan daripada Tetra Pak, impian FRIM untuk menjadi satu kawasan hutan dunia yang bersih dan terpelihara dapat dilaksanakan selain sokongan daripada kerajaan dan bukan kerajaan.

"Kita juga sudah mengemukakan Program Kitar Semula Kotak Minuman yang memberi impak positif terhadap usaha pemeliharaan alam sekitar dan bumi yang mengurangkan kemusnahan hutan serta memastikan sumber hutan berkekalan," katanya.